

SEKITAR DEWAN RAKYAT

Bahan asai dari Arkib
Negara Malaysia

189 pernianjan teknikal ditandatangani dengan Jepun

SEBANYAK 189 perjanjian mengenai bantuan teknikal, pengurusan dan perkhidmatan kejuruteraan ditandatangani antara syarikat perniagaan tempatan dengan syarikat Jepun dalam jangka masa tujuh tahun lalu, kata Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan anggota BN Gasing Padang, Enck Azharul Abidin Haji Abdul Rahim di Dewan Rakyat semalam, beliau berkata perjanjian itu menetapkan agenda pemindahan teknologi dan kepakaran untuk pekerja syarikat-syarikat tempatan.

"Adalah sukar untuk mengukur teknologi dan kepakaran yang telah dipindahkan kepada rakyat Malaysia oleh pelabur-pelabur dari negara asing, termasuk negara Jepun."

"Antara ukuran yang boleh dijadikan panduan ialah bilangan perjanjian yang ditandatangani oleh syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat Jepun," katanya.

Sebilangan besar rakyat Malaysia telah berupaya menggantikan keperluan pasaran Jepun dalam projek usahasanya di antara kedua negara hasil pelaksanaan perjanjian itu, katanya.

"Setengah-setengah syarikat usahasanya Jepun-Malaysia dan juga syarikat-syarikat tempatan di Malaysia

Kelemahan sistem galakan cukai dikaji untuk diperbaiki

KEMENTERIAN Kewangan sedang mengkaji kelemahan aspek sistem galakan cukai untuk diperbaiki kelemahan-kelemahannya. Timbalan Menteri Kewangan I, Enck Sabaruddin Chik memberitahu Dewan Rakyat semalam.

Ketika menjawab soalan Enck Peter Chin Gan (BN-Ipoh), beliau berkata, kajian itu akan dilakukan ekoran maklum-maklum bawaja yang diterima selalunya pelaksanaan sistem itu.

Galakan

Bellau juga menafikan sistem insentif bagi sektor perkilangan dalam bentuk galakan cukai yang ditamatkan kini hanya mengutamakan industri-industri besar.

"Sebaliknya sistem itu memberi peluang yang adil kepada industri kecil dan besar."

Menurut beliau lagi, pemberian sesuatu tax perinitis kepada sesuatu kilang itu adalah bergantung kepada tafsiran sejauh mana sesuatu industri itu menyumbang terhadap kepentingan nasional.

Walaupun kejadian pemaluan wang kertas di negara ini satu perkara kecil, Bank Negara akan tetap meningkatkan ciri-ciri keselamatan.

"Ciri-ciri keselamatan yang terbaru ialah tanda pandang terus depan dan belakang dan tanda bayang poiret yang di-Perutusan Agong yang pertama dalam wang kertas baru akan bernilai \$500, tambah beliau.

Syair persai kebudayaan nasional tidak diayun

MENTERI Kebudayaan, Bello dan Sukan, Enck Anwar Ibrahim, menegaskan kerajaan telah berkesan dalam menegakan sebarang pendapat atau cadangan yang memperosaikan dasar mengenai Kebudayaan Nasional.

Dengan ini, katanya, tidak ada lagi sebarang persoalan-persoalan yang harus dibicarakan dalam penggalan dasar Kebudayaan Nasional.

"Yang penting ialah bagaimana rakyat Malaysia dari berbilang kaum ini, dengan penuh rasa tanggungjawab dan ikhlas, sama-sama mempercepatkan proses itu," tambahnya ketika menjawab pertanyaan anggota DAP Kuala Lumpur Bandar, Enck Lee Lam Thee, di Dewan Rakyat semalam.

Anggota pembangkang itu bertanya mengenai tindakan yang diambil oleh kementerian berkenaan terhadap memorandum yang dikemukakan oleh 15 pertubuhan Cina baru-baru ini.

"Memorandum itu sudah diterima dan diteliti oleh kementerian."

"Dalam hubungannya, sukalah dijelaskan bahawa bagaimana kementerian sentiasa mengaulakan cadangan dan pandangan dari semua pihak, namun kementerian tidak mungkin melayan pendapat-pendapat yang memperosaikan dasar yang sudah ditetapkan."

"Ia tidak seharusnya dijadikan isu yang boleh menimbulkan ketegangan antara kaum."

"Apa yang perlu diperkemas sekarang ialah langkah-langkah yang lebih berkesan ke arah pelaksanaan dan pencapaian matlamat dasar itu," katanya.

Enck Anwar menambah, keseluruhan memorandum itu menyaran kan supaya ditentukan satu konsep budaya bera-

neka ragam yang menyebarkan unsur-unsur unggul budaya semua kaum.

"Sebenarnya ini bukanlah sesuatu yang baharu. Prinsip kedua dasar Kebudayaan Kebangsaan dengan jelayanya mempromutikan ruang yang luas bagi muktamad ini."

"Ia bukan sahaja mem-

bolehkan percantuman dan penyerapan unsur-unsur budaya sukuan dan kaum di negara ini, malah juga memberi tempat kepada unsur-unsur budaya asing, asalkan ia sesuai dan wajar dengan sistem nilai dan norma yang wujud, berasaskan ciri-ciri budaya rakyat asai."

"Sebab itulah kita me-

nerima kemajuan sains dan teknologi barat dan sekarang Timur serta penghasilan daripadanya," jelaynya.

Enck Anwar berkata kementeriannya memang menerima konsep penyerapan nilai-nilai umum yang wujud di kalangan pelbagai budaya dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

245 orang guru berhenti dalam 4 bulan tahun ini

SERAMAI 245 orang guru telah dari semua kategori meletakkan jawatan dalam tempoh empat bulan tahun ini, Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Bilangan yang paling ramai meletakkan jawatan ialah guru-guru dari kategori CT dan B yang menerima lathian dari maktab perguruan, jelay Menteri Pelajaran Datuk Dr Sulaiman Daud.

"Seramai 71 orang guru dalam kategori D juga berhenti dalam tempoh yang sama," ujar beliau ketika menjawab soalan bertulis Enck Mohd Idris bin Mohd Baari (BN-Setapak).

Jelay beliau lagi, kebanyakan mereka meletakkan jawatan atas sebab-sebab peribadi seperti melanjutkan pelajaran, menjalankan perniagaan sendiri, mendapat kerja lain dengan pihak swasta dan mengikut suami ke luar negeri.

Tambah beliau, jumlah 0.52 peratus itu adalah terlalu kecil dan tidak menjejaskan pelajaran pelajar-pelajar.

Beliau juga memberitahu, Kementerian Pelajaran masih belum bercadang menaikan taraf Sijil Perguruan Maktib ke taraf diploma.

Mengenal Universiti Iain Antarabangsa, Menteri itu menegaskan pengambilan pelajar setakat ini ialah seramai 145 orang, iaitu 122 orang dari warganegara Malaysia dan 21 bukan warganegara.

"Daripada jumlah itu pulisi adalah Bumiputera, manan Cina dan lima orang dari keturunan India," ujar beliau ketika menjawab soalan Dr Koh Yau Koon (BN-Tanjong).

Bilangan tenaga pengajar yang dilantik setakat ini ialah 28 orang, iaitu 23 orang warganegara dan lima orang bukan warganegara, jelay beliau.

Vietnam: Australia berjanji bincang dulu dengan Asean

TIMBALAN Menteri Luar, Enck Kadir Sheikh Fadzi menjelaskan, Australia berjanji akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Asean sebelum memulihkan bantuannya kepada Vietnam.

Menjawab pertanyaan Enck Mohd Amin Haji Daud (BN-Pekan) di Dewan Rakyat semalam, beliau berkata, pada masa ini Australia masih belum membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu.

"Negara-negara Asean, termasuk Malaysia, telah membincangkan soal Kampuchea dengan Menteri Luar Australia, termasuk soal bantuan Australia kepada Vietnam."

"Perbincangan ini diadakan sewaktu lawatan Menteri Luar Australia ke negara-negara Asean dalam bulan April lalu dan juga sewaktu mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean dengan Menteri Luar negara itu, Enck Bill Hayden di Bangkok pada 28 Julai, 1983.

"Asean telah memberi penegasan yang jelas mengenai pendirian kita terhadap soal itu dan kita yakin bahawa Australia belum lagi membuat sebarang keputusan mengenyainya," kata Enck Kadir.

Di samping itu, katanya, Australia juga berjanji akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Asean, Amerika Syarikat serta China sebelum satu keputusan muktamad dibuat.

"Oleh hal yang demikian, soal sama ada perhubungan Asean dengan Australia akan terjejas atau tidak, belum lagi timbul pada masa ini dan sudah tentu Asean akan terus memberi perhatian ke atas soal ini dan akan membincangkan sesuatu perkembangan yang mungkin berlaku."

"Memanglah menjadi hasrat Asean agar sebarang perkembangan tidak akan menjejaskan hubungan Asean dan Australia," katanya.



ENCK KADIR SHEIKH FADZIR

Tak dibenar kutip wang tempahan

SYARIKAT-syarikat pemaju perumahan tidak lagi dibenarkan mengutip wang tempahan daripada pembeli-pembeli rumah, tegas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Neo Yee Fan.

Araban ini terkandung di bawah Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982, jelaynya ketika menjawab soalan bertulis Enck Wan Mohd Najib bin Wan Mohammad (BN-Pasir Puteh).

Hutang Negara \$40,900 juta

MENTERI Kewangan, Tengku Razalegh Hamzah memberitahu Dewan Rakyat semalam, jumlah hutang negara sehingga hujung Disember 1982 ialah \$40,900 juta.

Daripada jumlah itu, tegas beliau, \$13,100 juta ialah hutang daripada luar negeri dan \$27,800 juta hutang dalam negeri.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan bertulis Enck Fung Ke Wing (DAP, Sandakan). Katanya, jumlah itu meningkat 4.6 kali ganda berbanding dengan tahun 1972 iaitu sebanyak \$7,230 juta.

"Pembayaran balik pinjaman-pinjaman ini akan terus dibilay dari pada hasil kerajaan yang diperolehi dari pertambangan pendapatan dan eksport," jelay beliau.

"Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk membuat pinjaman-pinjaman sama ada dari dalam atau luar negeri."